

19/10/2003

`Terima kasih Jacques Chirac'

PUTRAJAYA: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam tadi mengucapkan terima kasih kepada Presiden Perancis, Jacques Chirac kerana `memahami' ucapan beliau sebagai Pengerusi Pertubuhan Persidangan Negara Islam (OIC) ketika perasmian Sidang Kemuncak Ke-10 OIC, Jumaat lalu.

"Saya fikir Presiden Chirac memahaminya dengan lebih baik. Sesiapa yang membaca keseluruhan ucapan akan memahami apa yang saya maksudkan. Malah, saya bimbang orang Islam akan `menentang' saya. Saya tidak terfikir orang Eropah akan menentang saya.

"Saya tidak memahami mereka. Saya gembira (Presiden Chirac) sekurang-kurangnya memahaminya. Saya mahu ucapkan terima kasih secara terbuka kepadanya," kata Dr Mahathir kepada wartawan selepas menghadiri jamuan penghargaan kepada semua petugas sidang kemuncak OIC di Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC) di sini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas pendirian Chirac yang menghalang Kesatuan Eropah (EU) mengutuk kenyataan Dr Mahathir bahawa Yahudi memerintah dunia melalui proksi dan mendapatkan orang lain berlawan dan mati untuk mereka, selepas tamat sidang kemuncak dua hari EU di Brussels, Belgium.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang turut serta dalam jamuan itu, berkata Chirac mempertahankan Dr Mahathir kerana presiden itu memahami Perdana Menteri kita.

"Chirac memahami Dr Mahathir dengan cukup baik," katanya.